

24/06/2002

Semua mahu Dr M terus terajui negara

KUALA LUMPUR, Ahad - Parti komponen Barisan Nasional (BN) terus menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus menerajui Umno, BN dan negara.

Di SHAH ALAM, Umno Selangor hari ini membuat ketetapan menyokong penuh penarikan semula peletakan semua jawatan yang disandang Dr Mahathir dalam kerajaan dan parti dalam satu mesyuarat tergepar di sini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata kepimpinan Perdana Menteri masih diperlukan walaupun kedudukan Umno dan kerajaan teguh.

Katanya, alasan Umno dan kerajaan sudah kuat tidak boleh diterima kerana kepimpinan Dr Mahathir masih diperlukan bagi meneruskan kecemerlangan pada masa depan.

"Perdana Menteri adalah milik orang ramai dan permintaan serta pandangan orang ramai perlu diambil kira dalam membuat keputusan besar," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Muhammad Mohd Taib dan ketua Umno bahagian.

Dr Mohamad Khir yang juga Menteri Besar Selangor, berkata peletakan jawatan Presiden Umno itu mengejutkan dan menyedihkan banyak pihak.

"Ramai yang menangis dan kecewa kerana tidak dapat menerima peletakan jawatan beliau (Dr Mahathir). Malah ada majlis kenduri kosong kerana semua memberi tumpuan kepada Dr Mahathir," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, orang Melayu perlu merealisasikan harapan Dr Mahathir supaya bangsa Melayu cemerlang pada semua peringkat dan tidak mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata.

Di MELAKA, parti komponen BN Melaka akan menghantar surat sokongan kepada Dr Mahathir untuk terus menerajui kerajaan.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata surat itu akan dihantar menerusi telegram dan pos ke kediaman rasmi Dr Mahathir, di Putrajaya, esok.

Sementara itu, Pengerusi MCA negeri, Datuk Wira Gan Boon Leong; Pengerusi MIC negeri, Datuk R Raghavan; Pengerusi Parti Progresif Rakyat (PPP) negeri, Chew Tiang Chai serta Setiausaha Gerakan negeri, Philip Lo turut menyokong penarikan balik peletakan jawatan Dr Mahathir itu.

Di SEREMBAN, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata pemimpin dan penduduk di negeri itu lega kerana Dr Mahathir menarik semula hasrat meletak jawatan.

"Rakyat Negeri Sembilan bersyukur kerana Perdana Menteri terus berkhidmat untuk parti dan negara," katanya.

Pada masa sama, Isa berkata, Umno akan memberi penjelasan berhubung peletakan jawatan Dr Mahathir kepada semua pemimpin bahagian dan cawangan untuk disampaikan kepada semua ahli.

Langkah itu, katanya perlu untuk mengelak sebarang spekulasi dan tohmahan pihak tertentu.

Di IPOH, kira-kira 1,000 perwakilan yang menghadiri Konvensyen MCA Perak 2002 di sini, hari ini menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir untuk terus memimpin negara.

Ketika konvensyen bermula, perwakilan menepuk tangan sambil melaungkan kata-kata menolak peletakan jawatan Dr Mahathir dan mahu beliau meneruskan memimpin negara.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata sokongan padu itu

membuktikan rakyat tanpa mengira keturunan mahu Dr Mahathir terus meneraju negara.

Katanya, beliau amat gembira apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi mengumumkan Majlis Tertinggi (MT) Umno berjaya memujuk Dr Mahathir untuk menarik balik peletakan jawatannya.

"Seluruh negara lega dan kita amat bersyukur kerana Perdana Menteri menarik balik peletakan jawatan berkenaan," katanya.

Sementara itu, Dr Ling berkata, MCA akan menjemput Dr Mahathir merasmikan perhimpunan agung parti itu pada penghujung bulan depan.

(END)